

13/12/2001

Malaysia perlu terajui usaha pulihkan imej Islam

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

ISLAM dan umat Islam terus-menerus diperkotak-katikkan di seluruh dunia, khususnya Barat, yang dilihat seolah-olah memusuhi Islam dalam pelbagai perkara, apatah lagi jika ia membabitkan soal keselamatan.

Hakikatnya, apabila berlaku keganasan, ia terus dituduh dilakukan orang Islam sedangkan ada kumpulan penganas mewakili kelompok agama lain, seperti Kristian Katolik, Protestan, Yahudi, Buddha dan Hindu yang keganasan mereka sering dilaporkan oleh media antarabangsa.

Oleh itu, umat Islam di seluruh dunia terus menjadi mangsa penindasan dan dinafikan hak mereka walaupun di negara yang mengakui menghormati hak asasi manusia dan mengamalkan persamaan hak dalam pelbagai perkara.

Sehingga hari ini, kemelut peperangan, antaranya di Bosnia-Herzegovina, Kosovo dan Chechnya dengan kuasa bukan Islam masih belum diselesaikan sepenuhnya, selain isu Palestin terus menghantui keamanan di Asia Barat.

Kenapa ia berlarutan dan di mana Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) yang sepatutnya menjadi tempat berpayung penganut Islam? Sukar untuk dijawab dalam memperkatakan kewibawaan OIC.

Bagi membantu mendepani soal ini, Kerajaan Malaysia disaran menganjurkan seminar peringkat antarabangsa mengenai Islam, jihad dan keganasan jika Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) masih berdolak-dalik dalam isu yang dikaitkan dengan Islam dan penganutnya.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata walaupun Malaysia sudah menyatakan pendirian tegas menolak keganasan, masih ada pihak yang masih mengaitkan Islam dengan ekstrimis dan penganas.

"Saya percaya, usaha sudah dan sedang dilakukan Malaysia untuk memulihkan imej Islam di mata dunia.

"Bagaimanapun, Abim berharap Malaysia dapat menjuarai isu ini kerana suara pemimpin Malaysia dihormati negara lain," katanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara Islam yang dihormati dunia, Malaysia perlu lebih agresif mempengaruhi dasar antarabangsa, terutama PBB mengenai keganasan global.

Katanya, usaha ini perlu kerana ketika ini PBB seolah-olah tidak memberi perhatian dan tidak mengambil pendirian yang tegas mengenai isu ini seolah-olah ia menjadi kuda tunggangan kuasa besar, khususnya Amerika Syarikat dan Britain.

Justeru, beliau mencadangkan Malaysia mengambil langkah proaktif dengan menjemput tokoh peringkat antarabangsa untuk bersidang mengenai Islam, jihad dan keganasan.

Katanya, tokoh pelbagai bidang, merentasi batas bangsa dan agama perlu bersepakat dan mengeluarkan resolusi serta pendirian bersama mengenai isu semasa.

Beliau berkata, persidangan antarabangsa mengenai keganasan global perlu diadakan segera untuk menjelaskan beberapa kekeliruan masyarakat dunia mengenai Islam dan hubungannya dengan keganasan.

Hakikatnya, ajaran Islam sentiasa menganjurkan kehidupan yang aman dan tenteram, sekali gus menolak sebarang bentuk keganasan.

Malah, perkataan Islam itu sendiri berasal daripada perkataan 'salam' yang bermaksud sejahtera.

Justeru, usaha mengaitkan Islam dengan kegiatan keganasan mungkin sengaja ditimbulkan segelintir pihak tidak bertanggungjawab dengan niat dan agenda tertentu.

Bagaimanapun, perkembangan akhir menunjukkan masih ada masyarakat dunia yang keliru dengan konsep agama Islam.

Kekeliruan ini diburukkan lagi dengan tragedi 11 September apabila media Barat menuduh keganasan itu ditaja dan dilakukan penganas beragama Islam.

Sejak itu, masyarakat dunia disogokkan dengan pelbagai berita dan rencana yang bertujuan mengaitkan Islam dengan ekstrimis, penganas dan pelbagai kegiatan keganasan.

Selain itu, pengertian dan tafsiran sebenar jihad turut diselewengkan bagi memberi gambaran ia adalah kaedah yang diamalkan penganut Islam untuk memerangi pihak tidak sehaluan, terutama mereka yang berbeza agama.

Justeru, cendekiawan Islam dari seluruh negara perlu bersepakat dalam menjelaskan pengertian sebenar jihad kepada dunia, terutama kepada orang bukan Islam.

Jihad dalam konteks lebih luas meliputi perjuangan memartabatkan agama melalui pelbagai kegiatan fardu kifayah, terutama peningkatan taraf ekonomi dan pendidikan.

Kata Ahmad Azam, Abim menggesa semua pihak, terutama intelektual Islam, memberi penjelasan terperinci mengenai konsep jihad supaya ia dapat dibezakan dengan kegiatan keganasan.

Sehubungan itu, katanya, Abim menyokong dan menyanjung tinggi cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya PBB mengadakan persidangan mengenai keganasan.

Katanya, persidangan ini penting supaya PBB dapat bersetuju dengan definisi penganas yang turut merangkumi negara penganas.

"Selama ini, Barat merujuk keganasan sebagai dilakukan oleh individu atau sekumpulan individu yang bernaung di bawah pertubuhan tertentu.

"Sebab itu, kita lihat peperangan dan penindasan terhadap negara lemah masih dilakukan pihak yang tidak menghormati pendirian dan ketetapan PBB," katanya.

Mengulas lebih lanjut, beliau memberi contoh bagaimana Israel tidak pernah menghormati ketetapan PBB dengan terus melakukan pencabulan di bumi Palestin.

Terbaru, Amerika Syarikat dan Britain juga didapati tidak mengendahkan gesaan masyarakat dunia, apatah lagi PBB supaya menghentikan serangan terhadap Afghanistan.

Menurutnya, PBB didapati sengaja memejamkan mata terhadap keganasan yang dilakukan Israel walaupun ia sudah berlarutan sejak sekian lama.

Kini, PBB 'menghalalkan' tindakan ketenteraan Amerika dan sekutunya terhadap negara yang disyaki bersekongkol dengan Osama bin Laden.

Sejak Amerika melancarkan peperangan terhadap Afghanistan pada 7 Oktober lalu, beribu-ribu nyawa tidak berdosa terkorban walaupun sasaran awal Amerika ialah kubu yang didakwa menjadi tempat persembunyian Osama.

"Inilah bukti sikap Barat yang ternyata mengamalkan double standard apabila dunia memperkatakan isu keganasan.

"Ketika umat Islam diserang dengan pelbagai tuduhan tidak berasas, mereka terus menindas dan merestui tindakan kezaliman terhadap negara dan masyarakat Islam," katanya.

(END)